



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

KEHADIRAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE UNITED NATIONS SPECIAL EVENT ON PARIS AGREEMENT: TOWARD ENTRY INTO FORCE,

NEW YORK CITY, AMERIKA SYARIKAT,

23 SEPTEMBER 2016

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar , Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menghadiri United Nations Special Event on Paris Agreement: Toward Entry Into Force baru-baru ini di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York City, Amerika Syarikat.

Majlis ini dianjurkan oleh Setiausaha Agung PBB, Ban Ki Moon dan dihadiri oleh Ketua-Ketua Negara, Menteri dan pegawai tinggi kerajaan dari negara ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim PBB (UNFCCC). Penganjuran majlis ini diadakan sempena Persidangan Agung PBB (UNGA) dan bertujuan untuk meningkatkan usaha dan cita-cita negara ahli UNFCCC untuk meratifikasikan Paris Agreement sebelum akhir 2016.

Kehadiran YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar ke majlis ini adalah penting untuk menyampaikan hasrat dan pendirian negara berkaitan Paris Agreement dan komitmen negara untuk meratifikasikan perjanjian tersebut. Dalam masa yang sama, majlis ini adalah forum yang baik untuk bertukar pandangan dan mengadakan perbincangan peringkat tinggi bersama delegasi negara parti yang lain mengenai perancangan dan strategi untuk melaksanakan Paris Agreement.

Paris Agreement akan berkuat kuasa pada hari ke-30 selepas sekurang-kurangnya 55 negara parti kepada UNFCCC yang bertanggungjawab kepada 55% jumlah pelepasan GHG global. Sehingga 21 September 2016, 60 negara ahli kepada UNFCCC telah meratifikasikan Paris Agreement yang mewakili 47.76% pelepasan GHG global. Malaysia dijangka akan meratifikasikan Paris Agreement setelah proses ratifikasi di peringkat nasional selesai.

Pada 12 Disember 2015, sebanyak 195 negara parti kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) dengan sebulat suara bersetuju dengan teks Perjanjian Baru di bawah Konvensyen yang dinamakan *Paris Agreement* menerusi keputusan 1/CP.21. Persetujuan ini mengakhiri sesi rundingan di bawah *The Ad-hoc Working Group on the Durban Platform for Enhanced Action* (ADP) yang berlangsung hampir 5 tahun dari tahun 2011 hingga 2015 dan mengukir lembaran baru dalam proses rundingan perubahan iklim di mana hampir semua negara dalam dunia mencapai persetujuan bagi masa hadapan isu tersebut.

Tujuan utama *Paris Agreement* adalah untuk mengekalkan purata peningkatan suhu global abad ini di bawah 2 darjah Celcius (°C) dan dalam jangka masa panjang meningkatkan usaha untuk menghadkan peningkatan suhu tidak melebihi 1.5°C di atas tahap zaman pra-industri. *Paris Agreement* merangkumi semua mandat ADP seperti berikut:

- (i) *Mitigation – reducing emissions fast enough to achieve the temperature goal;*

- (ii) *A transparent system and global stock-take – accounting for climate action;*
- (iii) *Adaptation – strengthening ability of countries to deal with climate impacts;*
- (iv) *Loss and damage – strengthening ability to recover from climate impacts; dan*
- (v) *Support – including finance, for nations to build clean, resilient futures.*

Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April 2016 semasa *High Level Signature Ceremony of the Paris Agreement* di New York, Amerika Syarikat anjuran Setiausaha Agung PBB.